

22 AUG 2001

Syed Razak-Model

'KEDAH MAJU 2010' MODEL BANGUNKAN NEGERI MISKIN

ALOR SETAR, 22 Ogos (Bernama) -- 'Kedah Maju 2010', satu pelan untuk menjadikan negeri itu antara yang termaju menjelang tahun 2010, akan menjadi model bagaimana sebuah negeri miskin dapat dibangunkan sehingga mencapai tahap negeri maju, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata pelan itu akan dilancarkan di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hujung bulan depan.

"Kerajaan positif pelan itu yang menumpukan pembangunan kepada sektor perindustrian, pelancongan dan pertanian akan berjaya, dan kejayaan itu akan diikuti negeri lain," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau sebelum itu menghadiri majlis dialog antara ketiga-tiga jawatankuasa Kedah Maju 2010 dengan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan serta dewan perniagaan dan perindustrian bagi mendapatkan maklumat balas pihak-pihak berkenaan dalam menjayakan pelan itu.

Syed Razak berkata bahawa selepas pelancaran rasmi pelan itu oleh Perdana Menteri, usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam pelan itu akan dilaksanakan dengan cergas.

Katanya beliau tidak nampak sebarang masalah dalam melaksanakan pelan berkenaan kerana infrastruktur dalam bidang perindustian, pertanian dan pelancongan telah sedia ada.

"Usaha sekarang ialah untuk memesatkan pertumbuhan ketiga-tiga sektor itu," katanya.

Syed Razak berkata jawatankuasa Kedah Maju 2010 yang dipengerusikan oleh beliau akan mengawasi setiap projek yang dijalankan bagi memastikan ia berjalan dengan lancar.

-- BERNAMA

MZM MAI